



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**FINAL EXAMINATION
PEPERIKSAAN AKHIR**

**SEMESTER II 2023/2024 SESSION (DEGREE PROGRAMME)
SEMESTER II SESI 2023/2024 (SARJANA MUDA)**

COURSE KURSUS	:	ISLAM AND ECONOMICS ISLAM DAN EKONOMI
COURSE CODE KOD KURSUS	:	NCC3203
DURATION TEMPOH	:	2 HOURS 2 JAM

MATRIC NO. NO. MATRIK	:	_____
PROGRAMME NAMA PROGRAM	:	_____
SEAT NO. NO. MEJA	:	_____

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES
ARAHAN KEPADA CALON

- Answer all questions.
Sila jawab semua soalan.
- All answers must be provided in the OMR answer sheet.
Semua jawapan hendaklah disediakan dalam borang OMR.

DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF SIXTEEN (16) PRINTED PAGES
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM BELAS (16) MUKA SURAT BERCETAK

BAHAGIAN A:

Sila jawab semua soalan

1. Islam adalah satu agama dan cara hidup yang memberi maksud
 - A. patuh dan tunduk
 - B. aman dan sejahtera
 - C. berserah diri kepada Allah
 - D. semua di atas
2. Etika Islam berkaitan ekonomi menekankan aspek-aspek berikut
 - A. bercita-cita luhur
 - B. penekanan aspek pahala dan dosa
 - C. pengawasan secara berterusan
 - D. Semua di atas.
3. Yang manakah antara pernyataan berikut adalah **salah**
 - I. Islam adalah agama, ekonomi dan politik sahaja
 - II. Ibadah khusus termasuk solat, puasa, zakat dan haji
 - III. Islam mencakupi ucapan dan pengakuan di bibir sahaja
 - IV. Islam agama samawi yang dianuti oleh lebih 2 bilion penganut
 - A. I dan III
 - B. I dan IV
 - C. III sahaja
 - D. IV sahaja
4. Beriman kepada Allah dan Rasul berkait dengan ilmu
 - A. *al-Iqtisad*
 - B. *al-Muamalat*
 - C. *al-Aqidah*
 - D. *al-Akhlaq*
5. Berikut adalah ilmu yang mengajar manusia memperhambakan diri hanya kepada Allah
 - I. Ilmu Aqidah
 - II. Ilmu Akhlaq
 - III. Fiqh Ibadah
 - IV. Fiqh Muamalah
 - A. I sahaja
 - B. I, dan II
 - C. I, II dan III
 - D. Semua di atas

6. Surah Ibrahim ayat 7: 'Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabku amatlah keras.'
Ayat ini lebih tepat memperincikan tentang:
I. kepentingan infaq ke jalan Allah
II. Allah selaku pemilik mutlak
III. adanya hari pembalasan.
IV. tanggungjawab dan amanah
- A. I dan II
B. I, II dan IV
C. I dan III
D. Semua di atas
7. Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai Rukun Islam dan Rukun Iman **kecuali**:
A. Asas pengakuan dan keimanan kepada Allah, diikuti dengan pelaksanaan apa yang dipercayai
B. Pengakuan di bibir dan keyakinan dalam hati semata-mata
C. Kedua-duanya adalah asas kepada kehidupan beragama yang sepatutnya dihayati dalam kehidupan Muslim
D. Iman adalah mempercayai dan meyakini keesaan Allah, manakala Islam adalah beramal dengan setiap perintah dan suruhan
8. Antara tokoh-tokoh yang mengutarakan persoalan ekonomi Islam sebagaimana berikut **kecuali**
A. Imam al-Ghazali
B. Yusuf al-Qardhawi
C. Ibnu Taimiyyah
D. Muhammad Abduh
9. Kejayaan pengurusan ekonomi Islam sangat bergantung kepada
A. niat serta komitmen melaksana perintah Tuhan
B. adanya pemantauan, teguran dan nasihat berguna
C. memahami dan mengikut apa yang dibuat oleh orang lain
D. melaksanakan secara sukarela tanpa ada paksaan

10. Hubungan sosial dari perspektif Islam bermaksud
 - A. hubungan kemanusiaan
 - B. hubungan manusia dengan alam sekeliling
 - C. hubungan manusia dengan Pencipta
 - D. Semua di atas

11. Tatacara pemerolehan harta secara sah adalah melalui pendekatan berikut **kecuali**
 - A. wasiat
 - B. warisan
 - C. jual beli
 - D. berhutang

12. Matlamat pelaksanaan undang-undang Syariah ialah:
 - I. laksana perintah Tuhan
 - II. membentuk keadilan
 - III. memelihara kepentingan umum
 - IV. memelihara kepentingan individu
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. Semua di atas

13. Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah khusus?
 - A. Amalan-amalan yang wajib ke atas setiap umat Islam seperti solat, zakat, puasa dan haji
 - B. Amalan-amalan khusus seperti tahlil dan kenduri arwah
 - C. Amalan-amalan yang disunatkan seperti puasa sunat, solat sunat dan seumpamanya
 - D. Amalan sampingan bertujuan mendekatkan diri kepada Allah

14. Berikut adalah adab-adab bersedekah sebagaimana digariskan oleh Islam **kecuali**
 - A. tidak mengungkit-ungkit
 - B. tidak menyakiti perasaan penerima
 - C. tidak disertai dengan niat khusus
 - D. tidak mengharap apa jua balasan

15. *Haul* dalam urusan zakat bermaksud:
A. waktu urusan bayaran zakat
B. kadar pembayaran zakat
C. tempoh masa zakat dikenakan
D. denda atas kelewatan bayaran zakat
16. Emas dan perak termasuk dalam kategori barangan yang dikenakan zakat kerana kedua-duanya
A. mempunyai nilai
B. barang ribawi
C. boleh dijual-beli
D. semua di atas
17. Seorang bayi lelaki dilahirkan pada waktu Maghrib malam Raya. Apakah hukum pembayaran zakat fitrah baginya?
A. wajib bayar zakat
B. tidak wajib zakat
C. makruh bayar zakat
D. ditegah sama sekali membayar zakat
18. Manakah antara berikut pernyataan yang benar mengenai riba
I. riba turut diharamkan dalam ajaran Kristian dan Yahudi
II. Allah isytihar perang terhadap pemakan riba
III. riba bermaksud lebih dan bertambah
IV. riba *Fadh* and Riba *Yad* melibatkan barang yang sama
A. I dan II
B. I, II dan III
C. II, III dan IV
D. Semua di atas
19. Manakah antara berikut pernyataan yang benar mengenai urusan ribawi
A. jual beli gandum dengan mata wang termasuk urusan riba
B. tukar emas dengan emas tidak sama nilai/timbangan termasuk urusan riba
C. tukaran seekor lembu dengan 2 ekor lembu termasuk urusan riba
D. tukaran mata wang tidak sama nilai tetapi sama negara bukan urusan ribawi

20. Bahan-bahan ribawi yang ditangguhkan penyerahannya dalam urusan jual beli adalah haram hukumnya kerana ia terlibat dalam kategori riba
- A. *nasiah*
 - B. *Yad*
 - C. *qardh*
 - D. *fadh*
21. Amalan riba diharamkan atas faktor berikut
- I. ia menanam sifat tamak dan haloba terhadap harta
 - II. menghilangkan semangat kasih sayang dan bantu membantu
 - III. melahirkan ramai kaki penindas dan malas bekerja
 - IV. menghilangkan nilai-nilai murni kemanusiaan
- A. I dan II
 - B. I, II dan III.
 - C. I, II dan IV.
 - D. Semua di atas
22. Jual Salam mempunyai rukun-rukun berikut **kecuali**
- A. penjual
 - B. pembeli
 - C. Modal
 - D. harga
23. Sistem gadaian (*al-Rahn*) memiliki beberapa syarat penting berikut **kecuali**
- A. adanya ijab dan qabul daripada penggadai dan pemegang gadaian
 - B. gadaian hanya berkuat kuasa apabila penyerahan barang berlaku
 - C. kedua belah pihak adalah mereka yang boleh dipertanggungjawabkan
 - D. tuan punya barang gadaian boleh menggunakan barang tersebut tanpa keizinan khusus
24. *Wadi'ah* adalah satu akad (perjanjian) di antara tuan punya barang dengan
- A. pengusaha barang
 - B. penyimpan barang
 - C. pelabur barang
 - D. pembeli barang

25. Penjual, Pembeli, barang, Harga dan Akad adalah rukun-rukun bagi muamalat
- A. *mudharabah* dan *Musyarakah*
 - B. jual beli dan *Musyarakah*
 - C. *murabahah* dan Jual beli
 - D. *al-Rahn* dan *Murabahah*
26. Berikut adalah jenis-jenis riba yang sering berlaku dalam urusan jual beli :
- A. riba *Fadhal*, Riba *Nasiah* dan Riba *Yad*
 - B. riba *Nasiah* dan Riba *Qardh*
 - C. riba *Qardh*
 - D. riba *Yad* dan Riba *Qardh*
27. Asas barang-barang *ribawi* menurut Imam Shafie adalah terdiri dari jenis
- A. wang dan makanan
 - B. emas dan perak
 - C. bahan makanan
 - D. setiap barang berharga
28. Hadis Nabi saw yang bermaksud:
- 'Rasulullah saw melaknat penerima riba dan pembayar riba dan orang yang mencatatnya dan kedua-dua saksinya dan Baginda saw berkata mereka semuanya sama' (Sahih Muslim) Hadith ini memberi pengajaran berikut:
- I. sebarang bentuk eksploitasi adalah ditegah oleh agama
 - I. keikhlasan adalah pokok pangkal bagi setiap amalan
 - II. Pentingnya galakan tolong menolong tanpa bentuk imbuhan
 - III. Larangan tolong menolong kepada kejahatan dan maksiat
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas
29. 'Penjual memberitahu kepada si pembeli bahawa modal bagi kereta yang hendak dijual itu adalah RM 7000, dan beliau kemudian ingin menjualkannya dengan harga RM 7000 ditambah untung RM 2000. Harga jual keseluruhan adalah sebanyak RM 9000.'
- Apakah bentuk muamalat di atas?
- A. *mudharabah*
 - B. *musyarakah*
 - C. jual beli biasa
 - D. *murabahah*

30. Antara kebaikan *Ar-Rahn* adalah sebagaimana berikut **kecuali**
- A. memupuk semangat persaudaraan
 - B. menjalin hubungan muhibbah
 - C. mengelakkan pinjaman secara ribawi
 - D. mendidik sifat berjimat-cermat
31. Riba menurut istilah Syara' dapat difahami melalui aktiviti berikut
- I. bayaran hutang melebihi wang pokok sepertimana perjanjian
 - II. pertukaran barang ribawi dengan ditangguhkan penyerahannya.
 - III. pertukaran 2 ekor lembu dengan 1 ekor lembu dari jenis sama.
 - IV. emas Kelantan ditukar dengan emas Terengganu dengan nilai yang berbeza
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas
32. *Riba al-Qardh* bermaksud
- A. penangguhan penyerahan barang pertukaran jenis ribawi
 - B. pertambahan kuantiti dalam penjualan barangan ribawi
 - C. suatu manfaat atau faedah yang disyaratkan atas hutang piutang
 - D. pertambahan yang berlaku dalam jualan barang dengan sebab penangguhan masa
33. Sejarah penubuhan perbankan Islam di Malaysia sejak awal tahun 80an adalah bermatlamat berikut
- I. perbankan alternatif kepada sistem perbankan yang sedia ada.
 - II. perbankan tanpa faedah
 - III. memajukan tahap hidup masyarakat Islam
 - IV. pelaburan yang menguntungkan masyarakat Islam setempat
- A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. I, II dan III
 - D. Semua di atas

34. Konsep faedah dan untung mempunyai beberapa perbezaan yang ketara antara keduanya dari sudut definisi dan implikasinya **kecuali**
- A. faedah dibuat semasa akad tanpa berasaskan kepada untung rugi, manakala penentuan untung dibuat berasaskan kepada untung rugi sebenar
 - B. peratus kadar faedah berdasarkan wang (modal) sebenar, manakala pembahagian keuntungan berdasarkan kepada jumlah keuntungan yang dicapai
 - C. pembayaran faedah adalah tetap, manakala pembahagian untung adalah bergantung sepenuhnya kepada keuntungan projek dijalankan
 - D. faedah adalah berasaskan kadar yang dibayar oleh peminjam, manakala untung adalah kadar yang ditanggung bersama oleh peminjam dan pengusaha
35. Sesuatu akad dalam jual beli barang yang haram cara pemerolehannya adalah:
- A. sah
 - B. batal
 - C. harus
 - D. makruh
36. Semua urusan jual beli perlu kepada akad jual-beli kerana faktor berikut:
- I. mengesahkan jual beli
 - II. meyakinkan penjual dan pembeli
 - III. memenuhi rukun jual beli
 - IV. membersihkan harta yang dijual beli
- A. I, II dan III.
 - B. I, II dan IV.
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas.
37. Berikut adakah barang kategori ribawi **kecuali**:
- A. bahan makanan asasi
 - B. emas dan perak
 - C. matawang utama sesebuah negara
 - D. semua barangan yang ada nilai dan diterima masyarakat

38. Riba dalam konteks perbankan masakini dikenali dengan:
- I. untung
 - II. bunga
 - III. faedah
 - IV. *interest*
- A. I dan II
B. II dan III
C. II, III dan IV
D. Semua di atas.
39. Berikut adalah salah satu bentuk pinjaman yang dibenarkan Islam yang bersifat menang-menang dalam urusannya.
- A. Bai' Salam
B. Qardhu Hasan
C. Rahn
D. Takaful
40. Yang manakah antara pernyataan di bawah adalah benar?
- A. jual beli disebut *khiyar*
B. warisan disebut *faridhah*
C. sewaan disebut *ijarah*
D. hutang disebut *zimmah*
41. Pekerjaan yang halal dari sudut agama ialah sebagaimana berikut **kecuali**
- A. mengusahakan ternakan orang lain dengan upah tertentu
B. menyusukan anak orang dengan dikenakan upah tertentu
C. menjual barangan secara ansuran dengan harga lebih tinggi
D. menjual sesuatu barang milik orang lain dengan harga berpatutan
42. Jual Salam sering dikaitkan dengan jual beli berikut
- A. tempahan barang dengan dibuat bayaran awal
B. membeli dengan menyebut kadar keuntungan
C. jual beli yang ada pilihan meneruskan atau membatalkan urusan niaga
D. jual beli dengan adanya penangguhan serahan barang

43. Jual beli yang ditegah merujuk kepada urusanniaga berikut
- I. jual beli dikenakan riba
 - II. jual beli bahan najis
 - III. jual beli semua jenis bangkai termasuk hidupan laut
 - IV. jual beli janin dalam kandungan binatang
- A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. I, II, III
 - D. I, II, IV
44. Terdapat beberapa jenis khiyar yang disebut dalam syariat Islam **kecuali**
- A. khiyar *Majlis*
 - B. khiyar *Aib*
 - C. khiyar *Tabyin*
 - D. khiyar *Wasf*
45. Berikut adalah pernyataan yang benar tentang syarat jual beli
- I. ijab qabul perlu jelas adanya kerelaan
 - II. penjual dan pembeli sama status sosial
 - III. penjual dan pembeli bukan golongan safih
 - IV. barang dijual perlu wujud pada ketika akad
- A. I dan II
 - B. I, dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. I, III dan IV
46. Tanaman yang dihasilkan dari sumber tenaga manusia atau upah atau kos mesin dan sebagai, kadar bayaran zakat adalah
- A. 5%
 - B. 10%
 - C. 15%
 - D. 20%
47. Zakat pendapatan dibayar setelah ditolak komitmen berikut
- A. tanggungan dan keperluan asas diri
 - B. pemberian wajib kepada keluarga
 - C. pemberian wajib kepada ibu bapa
 - D. semua di atas

48. Perbezaan **utama** zakat dan cukai pendapatan adalah dalam aspek berikut:
- A. zakat untuk golongan asnaf, cukai untuk pembangunan negara
 - B. cukai diperkenalkan kemudian dari kewujudan zakat
 - C. zakat adalah hukum Allah, cukai adalah hukum dan peraturan manusia
 - D. bayaran zakat mengikut syarat ditetapkan, kadar cukai ikut peraturan semasa
49. Apakah yang dimaksudkan dengan harta *rikaz*?
- A. barangan berharga yang tertanam dalam bumi
 - B. barangan berharga yang perlu dikeluarkan zakat
 - C. emas dan perak yang dikecualikan bayaran zakat
 - D. emas dan perak yang disimpan dalam bentuk hiasan
50. Sila berikan status hukum pembayaran zakat bagi kenyataan berikut 'Emas dan perak dalam bentuk matawang, masih ditransaksikan dalam masyarakat dan digunakan sebagai perhiasan oleh wanita'
- A. Tidak wajib dikeluarkan zakat kerana ia termasuk perhiasan
 - B. Tidak wajib dikeluarkan zakat kerana belum cukup nisab
 - C. Wajib dikeluarkan zakat dan disatukan dengan matawang yang cukup nisab
 - D. Wajib dikeluarkan zakat kerana keduanya termasuk barang dikenakan Zakat
51. Asabah dalam sistem faraid adalah sebagaimana berikut **kecuali**:
- A. mewarisi semua saki baki harta yang ditinggalkan
 - B. melibatkan anak lelaki
 - C. melibatkan anak perempuan
 - D. mewarisi harta yang telah ditentukan bahagiannya
52. Ibu si mati akan mewarisi 1/3 harta si mati apabila berlaku keadaan berikut:
- A. si mati tiada mempunyai anak
 - B. si mati tiada mempunyai isteri
 - C. si mati tiada mempunyai adik beradik
 - D. semua di atas
53. Anak luar nikah masih mewarisi harta pusaka dalam situasi berikut:
- A. si mati adalah ayah kandung luar nikah
 - B. si mati adalah ibu kandung luar nikah
 - C. si mati adalah adik beradik tiri sebelah bapa
 - D. si mati adalah adik beradik sebelah bapa

54. Berikut adalah golongan pewaris (tahap pertama) yang benar-benar layak menerima harta pusaka **kecuali**:
- A. ibu bapa
 - B. suami atau isteri
 - C. adik beradik
 - D. anak lelaki dan anak perempuan
55. Sabda Nabi SAW:
'Setiap hutang yang membawa manfaat kepada tuan punya hutang adalah riba'.
Hadith ini memberi pengajaran berikut
- I. eksploitasi adalah ditegah oleh agama
 - II. ikhlas adalah pokok pangkal amalan
 - III galakan tolong menolong tanpa imbuhan
 - IV hutang-piutang dibenarkan dalam agama
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I,III, IV
 - D. Semua di atas
56. Pengharaman sesuatu saham dan forex banyak didorong oleh faktor berikut:
- A. keuntungan yang diperolehi
 - B. urusanniaga yang tidak jelas
 - C. syarikat yang tidak berdaftar
 - D. dilaksanakan oleh bukan Islam
57. *Dhawil-Arham* dalam pembahagian harta pusaka merujuk kepada
- A. anak isteri
 - B. suami isteri
 - C. anak lelaki dan perempuan
 - D. lain-lain waris selain di atas.
58. Umumnya, terdapat___ ahli waris dari pihak lelaki dan___dari pihak wanita yang layak terima harta pusaka.
- A. 15 dan 10
 - B. 10 dan 15
 - C. 10 dan 5
 - D. 15 dan 5

59. Berikut adalah kedudukan pembahagian harta yang diperolehi oleh isteri-isteri di mati **kecuali**:
- A. $\frac{1}{4}$ dari peninggalan harta si mati jika tiada anak
 - B. $\frac{1}{8}$ dari harta si mati jika ada anak
 - C. $\frac{1}{8}$ dan dibahagi secara sama rata antara mereka.
 - D. setiap isteri akan memperoleh $\frac{1}{8}$ dari harta si mati
60. Anak-anak perempuan si mati yang tiada anak lelaki akan memperoleh ____harta peninggalan si mati.
- A. 100%
 - B. 75%
 - C. 50%
 - D. 25%

BAHAGIAN B

Tandakan Betul (A) atau Salah (B) pada pernyataan berikut:

61. Dalam Islam, pengurusan kewangan dan harta adalah termasuk urusan ibadah.
=A= =B=
62. Berzakat, membayar nazar termasuk dalam kategori *infaq* wajib.
=A= =B=
63. Zakat dan cukai memiliki banyak persamaan dari sudut pengurusannya
=A= =B=
64. Ternakan lembu dan unta adalah termasuk dalam kategori zakat harta jika cukup syarat-syaratnya
=A= =B=
65. Zakat perniagaan mengambilkira semua harta yang dimiliki pembayar zakat
=A= =B=
66. Asabah bermaksud mengambil saki baki harta di mati setelah dibahagi kepada golongan yang berhak
=A= =B=
67. Zakat Fitrah tetap perlu dibayar oleh penjaga terhadap anak-anak bawah tanggungan mereka
=A= =B=
68. Golongan yang kaya tidak mempunyai hak sama sekali pada harta zakat
=A= =B=
69. Harta *mutaqawwim* adalah harta yang bermanfaat dan boleh diguna dalam urusan ekonomi
=A= =B=
70. Kadar nisab zakat bagi ternakan (unta) adalah rendah bilangannya berbanding kadar nisab ternakan lembu dan kambing.
=A= =B=

71. Anak-anak perempuan si mati yang tiada anak lelaki akan memperolehi 1/2 harta si mati
=A= =B=
72. Orang-orang fakir dan miskin berhak untuk meminta wang zakat mereka dari orang kaya.
=A= =B=
73. Bangkai ikan termasuk dalam kategori barangan yang tidak sah urusan jual beli
=A= =B=
74. Islam menegah pemberian sedekah secara terang-terangan sehingga diketahui oleh orang lain.
=A= =B=
75. Bandingan mereka yang membelanjakan harta ke jalan Allah seumpama menanam biji benih yang tumbuh padanya ranting-ranting yang banyak.
=A= =B=
76. Pemburuan dan tangkapan termasuk kaedah pemerolehan harta dalam Islam.
=A= =B=
77. Jual beli emas digital dibenarkan dan sah sekiranya emas fizikal ada dalam simpanan penjual.
=A= =B=
78. Prinsip ekonomi Islam meletakkan untung dan rugi sebagai ukuran utama dalam setiap transaksi yang dijalankan.
=A= =B=
79. Terdapat 3 jalan pemerolehan harta iaitu sumbernya halal, kaedah yang diperolehi adalah halal, serta persetujuan kedua-dua belah pihak.
=A= =B=
80. Harta zakat yang dikeluarkan tidak boleh diberikan kepada ahli keluarga bawah tanggungan pembayar zakat.
=A= =B=

- Kertas Soalan Tamat -